



Home (/) » BERITA (BERITA) » MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KALI KE-44 ANUGERAH IJAZAH KEPADA 5,695 GRADUAN

Senarai Berita (/berita)

## MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KALI KE-44 ANUGERAH IJAZAH KEPADA 5,695 GRADUAN

Oleh: Noor Eszreeren Jufri



SERDANG, 8 Jan - Universiti Putra Malaysia (UPM) melangsungkan Majlis Konvokeysyen UPM Ke-44 Tahun 2022 pada 8 Januari hingga 13 Januari 2022 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKS5AAS), UPM.

Ini adalah majlis konvokeysyen UPM yang pertama sejak negara dilanda pandemik COVID-19 mulai awal 2020 lalu.

Pada 12 Januari 2022 (Sesi Kelima), Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan memasyhurkan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibtisam Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaie dan Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim sebagai Pro Canselor UPM selama tempoh tiga tahun mulai 18 Oktober 2021 hingga 17 Oktober 2024.

Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah akan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Sarjana (Master), Baccelor dan Diploma kepada graduan pada hari kelima (12 Januari, sesi kelima) pada majlis itu.

Majlis pengurniaan ijazah sebanyak enam sesi selama enam hari itu akan turut disempurnakan oleh tiga Pro Canselor UPM iaitu, DTM Tengku Amir Shah Ibtisam Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada sesi keenam (13 Januari), Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim pada sesi pertama (8 Januari) dan sesi kedua (9 Januari) dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaie pada sesi ketiga (10 Januari) dan sesi keempat (11 Januari).

Seramai 5,695 graduan pelbagai program pengajian akan menerima ijazah dan diploma masing-masing terdiri daripada penerima ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) seramai 398, Ijazah Sarjana (Master) seramai 1,093, Baccelor (3,544) dan Diploma (660).

Tuanku Canselor juga berkenan mengurniakan hadiah kepada Pemenang Hadiah Peringkat Universiti iaitu Hadiah Pingat Emas Canselor kepada Aini Nazihah Hasin@Hassan daripada program Baccelor Sains Fizik Dengan Kepujian, Fakulti Sains; Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputra) kepada Putera Mohamad Iskandar Jamil program Baccelor Sains Hortikultur, Fakulti Pertanian dan Anugerah Pelajaran Diraja (bukan Bumiputra) kepada Chow Heng Yee program Baccelor Sains Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi Manusia pada 12 Januari 2022.

Pingat lain akan di sampaikan oleh Pro Canselor UPM, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim pada 8 Januari 2022 iaitu Pingat Emas Alumni kepada Lim Jia Yie program Baccelor Pengurusan Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar; Pingat Emas Yayasan Pak Rashid kepada Michelle Tiong Chia Weng program Baccelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua), Fakulti Pengajian Pendidikan; Pingat Putra Agribio kepada Muhammad Ali Imron Razali program Doktor Perubatan Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar; Pingat Razlan Putra kepada Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan program Baccelor Sains (Pembangunan Manusia), Fakulti Ekologi Manusia; Anugerah Keusahawanan Pengusaha Stesen Shell kepada Ijlali Husna Alias program Baccelor Pendidikan (Sains Rumah tangga), Fakulti Pengajian Pendidikan; Anugerah Tun Abdul Razak kepada Chow Heng Yee program Baccelor Sains Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi Manusia; Pingat Emas Doktor Falsafah Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals kepada Farhatun Najat Maluin (PhD Nanoteknologi), Institut Nanosains dan Nanoteknologi; Pingat Emas Master Dengan Thesis kepada Sanchez Philip Donald Cabuga (Master Sains Agricultural Process Engineering), Fakulti Kejuruteraan; Pingat Emas BasNet Doktor Falsafah kepada Dr. Nor Sa'adah Jamaluddin, (PhD Curriculum and Instruction), Fakulti Pengajian Pendidikan dan Hadiah Syed Kechik kepada Fatimah Marwa Jaapar, program Baccelor Sains Biokimia dengan Kepujian, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul.

Majlis Konvokeysyen ini juga bakal menyaksikan pengijazahan bagi program sulung Master Keusahawanan apabila seramai sebelas graduan akan bergraduati pada 8 Januari 2022 (Sabtu, Sesi 1).

Sementara itu, antara atlet negara yang akan bergraduati ialah Syed Syafiq Syed Cholan (Hoki), Nur Fatimah Mohammad Tahir (Menembak), Mohamed Farhan Hafsyam Zahid (Olahragha), Priyashankari Hari Sankar (Karate), Muhamad Hafzan Bakri Md Roni (Ragbi), Dzafzan Asyraf Zainuddin (Ragbi) dan Muhammad Kamal Ishak (Sepak Takraw).

Majlis konvokeysyen ini meraikan para graduan yang juga menjadi agenda penting dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu, menyokong hasrat melalui Matlamat 1: Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang. - UPM

Tarikh Input: 08/01/2022 | Kemaskini: 08/01/2022 | haiuru\_nizam

### PERKONGSIAN MEDIA

(<https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F>

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fmajlis\_konvokeysyen\_universiti\_putra\_malaysia\_kali\_ke\_44\_anugerah\_ijazah\_kepada\_5695\_graduan-64842&title=MAJLIS%20KONVOKEYSYEN%20UNIVERSITI%20PUTRA%20MALAYSIA%20KALI%20KE-44%20ANUGERAH%20IJAZAH%20KEPADA%205695%20GRADUAN%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy\_link) (/#wordpress) (/#print)

### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
+603-9769 1000  
pspk@upm.edu.my

### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Perumahan ke Luar Negara (<http://basari.upm.edu.my/bsari>)  
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)  
KIM Portal (<http://kim.upm.edu.my/kimportalweb/portal/render.action?method=home>)  
Jawatan Kosong (<http://sjp.upm.edu.my/>)  
Sistem Bank Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)  
Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)  
Sistem Pengurusan Perubatan (<http://repmedic.upm.edu.my/>)  
Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
i-GIMS (staff) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)  
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://igsportal.upm.edu.my:8080/igsportal/>)  
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar pascasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smpaction/security/loginSmpSetup>)

### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/>)  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)  
Multimedia Super Corridor (<https://index.msc-malaysia/>)  
Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/>)  
Ageni Kelayakan Malaysia (<https://www.miq.gov.my/>)

### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/eniti)  
Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/jstatistik>)  
Tender & Kontrak (<http://tender.upm.edu.my/>)  
Laporan Program Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenal\\_kami/maklumat\\_korporat/program\\_pelanggan-8202](http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/program_pelanggan-8202))  
Dasar UPM ([http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal\\_kami/dasar\\_universiti-5611](http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5611))  
Sistem Pengurusan ISO ([http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/))  
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)  
Penerbitan UPM ([http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan\\_UPM-29859](http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859))  
Tajwin UPM 2021 ([https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TARJWIN\\_UPM\\_2021\\_20\\_1.2021.pdf](https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TARJWIN_UPM_2021_20_1.2021.pdf))  
UPM Flywire (<https://fanding-pages.flywire.com/fanding/upm/>)

